

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas mata pelajaran Bahasa Melayu 2 mengandungi 4 soalan. Calon wajib menjawab kesemua soalan dalam masa 2 ½ jam. Soalan 1 menguji kefahaman calon tentang rumusan. Soalan 2 menguji pemahaman calon yang dibahagikan kepada 4 pecahan soalan iaitu pemahaman petikan (umum), petikan cerpen / drama, petikan prosa klasik dan petikan puisi. Soalan 3 menguji pengetahuan dan kemahiran bahasa. Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu (novel) Tingkatan 4 dan 5. Jawapan calon boleh ditulis dalam tulisan rumi dan jawi.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi calon pada keseluruhannya pada tahap baik. Calon-calun dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Jawapan calon memenuhi kehendak atau tugas soalan. Penguasaan sistem ejaan pada amnya baik. Penguasaan aspek tatabahasa dan pembinaan ayat juga adalah pada tahap memuaskan. Calon-calun juga dapat menguasai aspek-aspek komponen sastera dengan baik. Penyampaian jawapan calon menunjukkan kematangan, isi yang jelas mengikut kehendak soalan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Kumpulan Tinggi**

Jawapan jitu dan menepati kehendak soalan. Calon menghuraikan jawapan dengan terperinci, jelas dan bernas. Jawapan mudah difahami kerana penyampaiannya lancar dan gramatis serta sangat kurang kesalahan bahasa.

Kumpulan Sederhana

Calon dalam kumpulan ini masih menjawab soalan. Jawapan masih memenuhi kehendak soalan tetapi kurang terperinci dan tidak lengkap. Penyampaian masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan dari segi tatabahasa.

Kumpulan Rendah

Calon hanya menjawab beberapa soalan. Jawapan pula tidak tepat atau samar-samar serta bercampur-aduk. Terdapat jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Penyampaian kurang lancar dan kurang tersusun.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1 : Rumusan

KEKUATAN ISI PENDAHULUAN

Tugasan soalan ini meminta calon membaca, memahami dan memproses maklumat yang terdapat dalam petikan, kemudian membuat satu pernyataan yang tepat berdasarkan fokus atau isi utama yang dikemukakan dalam soalan. Dalam hal ini, calon cemerlang dapat mengemukakan fokus isi yang lengkap dan tepat, jelas serta selari dengan kehendak tugasan soalan:

Petikan membincangkan kebaikan-kebaikan penerokaan
angkasa lepas di ~~di~~ Malaysia.

Jawapan yang diberikan jelas menunjukkan calon memahami keseluruhan idea dalam petikan dan merumuskan satu pernyataan pendahuluan. Pendahuluan ini merangkumi tema utama petikan.

KELEMAHAN ISI PENDAHULUAN

Terdapat sebahagian calon yang menyalin semula arahan soalan petikan rumusan tanpa cuba memahami terlebih dahulu fokus atau tema yang dibincangkan dalam petikan.

Petikan tentang faedah-faedah penerokaan
angkasa lepas dan cara-cara untuk menarik minat
masyarakat terhadap bidang penerokaan angkasa lepas.

Berdasarkan jawapan yang diberikan menunjukkan calon berkenaan sebenarnya gagal memahami idea keseluruhan dalam petikan yang perlu dirumuskan dalam satu pernyataan pada perenggan pendahuluan.

KEKUATAN ISI TERSURAT

Isi tersurat berdasarkan arahan pertama tugas soal. Sebahagian besar calon berupaya mengenal pasti dan seterusnya mengemukakan isi-isi tersurat daripada petikan dan ditulis dengan jelas dalam satu perenggan.

Negara dapat menjalin kerjasama yang lebih erat dengan negara-negara yang sudah maju. Rakyat Malaysia juga dapat mencontohi cara mereka berjaya dalam bidang ini. Selain itu, sistem komunikasi juga semakin canggih. Bidang perniagaan dan pemasaran dapat dilakukan secara meluas. Peluang pekerjaan dan perkhidmatan juga turut berkembang. Kerja-kerja pemetaan, pengawalan dan pemantauan alam sekitar dapat dilakukan dengan lebih mudah. Malah, memberikan suntikan dalam perkembangan bidang-bidang lain seperti pendidikan, penyelidikan dan perubatan.

Jawapan jelas menunjukkan calon berjaya mengesan dan mengenal pasti isi tersurat mengikut arahan pertama tugas soal. Jawapan yang diberikan jelas, tepat, lengkap dan mencukupi. Isi tersurat yang dikemukakan juga jelas dapat menyokong hujah untuk memperkukuh pernyataan jawapan '**pendahuluan**' yang telah diberikan.

KELEMAHAN ISI TERSURAT

Terdapat calon yang tidak atau kurang mahir mengemukakan isi-isi tersurat untuk menyokong pernyataan pendahuluan. Keadaan ini menyebabkan jumlah isi tersurat tidak mencukupi, bercampur aduk dengan huraian-huraian dan contoh-contoh yang disalin terus daripada petikan.

Faedah faedahnya ialah ~~negara~~ memiliki sistem komunikasi yang terbaik di dunia. Selain itu, memberi impak yang besar kepada negara untuk terus maju dalam bidang penerokaan angkasa lepas di samping dapat menjalin kerjasama yang lebih erat dengan negara-negara yang sudah maju.

Berdasarkan jawapan yang dikemukakan calon, jelas menunjukkan calon tidak mahir mengesan dan mengenal pasti isi tersurat yang terdapat dalam petikan dengan tepat. Calon memberikan jawapan isi tersurat secara umum dan tidak lengkap mengikut kehendak tugas soal.

Antara ~~kebaikannya~~ adalah kebaikannya ialah ~~men~~ mewujudkan kerjasama dengan negara-negara yang maju dalam bidang tersebut. Rakyat Malaysia mempelajari langkah mereka bekerja dalam bidang tersebut ialah manfaat yang lain. Faedah yang seterusnya ialah kecanggihan sistem perhubungan. Kerja pengawasan dapat dilakukan dengan senang ialah kepentingan yang selanjutnya. Di samping itu, menyumbangkan suntikan dalam bidang yang tertentu ialah kebaikan yang berikutnya. Faedah yang terakhir ialah perkembangan peluang pekerjaan.

Jawapan calon tidak lengkap kerana terdapat frasa penting dalam isi tersurat yang tidak dikemukakan oleh calon yang menjejaskan ketepatan isi tersurat tersebut.

KEKUATAN ISI TERSIRAT

Jawapan isi tersirat berdasarkan arahan kedua tugas soal. Isi jawapan perlu difikirkan oleh calon merangkumi aspek kemahiran berfikir, iaitu di luar daripada idea petikan rumusan. Kekuatan jawapan isi tersirat bergantung pada kemampuan calon untuk berfikir secara kritis dan kreatif dan mengemukakannya dengan tepat.

Keseluruhan calon dapat mengesan dua isi tersirat yang popular tentang "cara-cara untuk menarik minat masyarakat terhadap bidang penerokaan angkasa lepas" iaitu **Media massa menyiarkan artikel-artikel yang berkaitan dengan bidang angkasa lepas** dan **kerajaan menganjurkan kempen**.

Antara langkah ~~langkah~~ untuk menarik minat masyarakat ialah mengadakan kempen tentang penerokaan angkasa lepas serta membenarkan pendedahan ~~di~~ dalam bidang ini menerusi televisyen.

Calon ini memahami kehendak tugas soal dan dapat menganalisis maklumat yang dikehendaki iaitu tentang cara-cara untuk menarik minat masyarakat.

KELEMAHAN ISI TERSIRAT

Terdapat calon yang tidak dapat mengemukakan isi tersirat, isi tersirat tidak lengkap, membuat tafsiran yang salah untuk dikategorikan sebagai isi tersirat yang lengkap dan terdapat isi tersirat yang diberikan berulang.

Cara-cara untuk menarik minat masyarakat terhadap penerokaan angkasa lepas ialah mengadakan kempen⁸⁴. Selain itu, mengadakan ceramah dengan memanggil tokoh angkasawan negara untuk menceritakan pengalaman beliau.

Berdasarkan jawapan calon di atas jelas menunjukkan isi tersirat yang dikemukakan berulang dan tidak lengkap.

cara-cara untuk menarik minat masyarakat
ialah melalui media massa. Selain itu
kerajaan juga perlu mengambil tindakan.

Berdasarkan jawapan calon di atas jelas menunjukkan calon mengemukakan isi tersirat yang tidak tepat dan umum.

KEKUATAN KESIMPULAN

Keseluruhan calon dapat merumuskan perbincangan dengan memberikan cadangan atau harapan sebagai penutup dan menyatakan implikasi atau hasil cadangan yang dikemukakan dengan jelas dan tepat.

Kesimpulannya pihak kerajaan harus mengurak langkah
dalam memajukan bidang penerokaan angkasa lepas agar Malaysia
maju setanding dengan negara maju.

KELEMAHAN KESIMPULAN

Masih terdapat calon yang mengemukakan satu unsur sahaja dalam penulisan ayat kesimpulan yang langsung tidak menggambarkan satu pernyataan penutup kepada perbincangan.

Tujuannya, bidang ini penerokaan angkasa lepas
merupakan langkah untuk menuju Uluwangan 2020.
dengan melibatkan masyarakat

SOALAN 2 – PEMAHAMAN

Soalan 2(a) : Petikan Umum

KEKUATAN CALON

Calon menjawab dengan menggunakan bahasa yang gramatis, baik dari segi penggunaan imbuhan, pemilihan kosa kata, binaan frasa, struktur ayat mahupun penggunaan tanda baca dan sistem ejaan baru. Calon juga benar-benar memahami maksud idea dan isi dalam petikan serta dapat memproses maklumat. Calon berkebolehan mengolah dan menyusun jawapan dengan cara yang sistematik dan lancar.

Soalan (i)

(i) Maksud rangkai kata memberikan impak ialah menghasilkan kesan.

Soalan (ii)

(ii) Beberapa bukti yang menunjukkan penglibatan Malaysia dalam bidang penerokaan angkasa lepas ialah pembabitian Malaysia dalam bidang penerokaan angkasa lepas bermula pada awal 1980-an. Selain itu melaksanakan program penghantaran angkasawan pertama ke angkasa lepas melalui kerjasama dengan beberapa buah negara lain. Selain itu juga pelancaran tiga buah satelit ke angkasa lepas.

Soalan (iii)

(iii) Sebagai murid yang berwawasan, antara persediaan yang perlu dilakukan supaya terpilih sebagai calon angkasawan pada masa akan datang ialah dengan belajar bersungguh supaya mendapat kejayaan yang cemerlang, menyiapkan diri dari segi mental dan fizikal, menjaga kesihatan dengan teliti dan memantapkan diri dari segi ilmu pengetahuan yang tinggi.

KELEMAHAN CALON

Calon tidak memahami maksud rangkai kata dalam soalan, khususnya makna yang berkaitan dengan konteks petikan. Calon masih lemah untuk mencari dan memproses maklumat di dalam petikan. Calon memberi jawapan yang salah.

Soalan (i)

Calon gagal memberi makna frasa yang tepat dan tidak memahami kehendak soalan.

(i) maksud rangkai kata memberikan impak ialah menaikkan tekad dan semangat.

Soalan (ii)

Jawapan calon tidak lengkap dan isi tidak cukup.

(ii) Bukti yang menunjukkan penglibatan Malaysia dalam bidang penerokaan Malaysia ialah angkasa lepas ialah sistem komunikasi yang semakin canggih, pelancaran tiga buah satelit ke angkasa lepas dan pelaksanaan program penghantaran angkasawan pertama ke angkasa lepas.

Soalan iii

Calon gagal memberikan jawapan yang lengkap iaitu isi tidak cukup kerana memberi isi jawapan tanpa huraian.

(ii)	Sebagai murid yang berwawasan, perediaan-persediaan yang harus ada supaya terpilih sebagai calon angkasaawan pada masa akan datang ialah dengan belajar bersungguh-sungguh tahu akan kegunaan satelit dan mendalami ilmu-ilmu mengenai angkasa lepas.
------	---

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

KEKUATAN

Calon dapat mengemukakan jawapan dengan cemerlang, menggunakan bahasa yang tepat dan betul dari segi tatabahasa. Isi jawapan mencukupi dan jawapan menepati kehendak tugas soalannya.

Soalan (i)

(i)	masa masalah-masalah yang dihadapi oleh Jumari Jipon untuk menjaga Deliah ialah Jumari Jipon bertugas di bawah bilik enjin yang panas dan tertera Jepun pula kini semakin sering menggugurkan bom atau memuntahkan peluru tanpa menghiraukan siapa sasarannya.
-----	---

Soalan (ii)

(ii)	Usaha - usaha yang dapat dilakukan untuk membela nasib kanak - kanak adalah dengan menyediakan rumah perlindungan kepada mereka agar keselamatan mereka lebih terjamin. Selain itu, kita seharusnya mencurahkan kasih sayang dan membelai mereka agar mereka merasakan diri mereka disayangi. Kita juga harus memberi lebih tumpuan kepada mereka dan berbicara dari hati ke hati bagi meringankan penderitaan yang dialami. Lebih - lebih lagi, menghiburkan hati mereka dengan membeli pakaian atau permainan baru bagi mengubatkan kesedihan mereka.
------	---

Soalan (iii)

ii)	Persalan yang terdapat dalam petikan ialah kekejaman pihak Jepun yang mengancam hidup masyarakat dan persahabatan yang terjalin sejak kecil sehingga tua. Persalan lain dalam teks keseluruhan cerpen ialah kepercayaan terhadap kewujudan kuasa sakti dan kecintaan terhadap binatang.
-----	---

KELEMAHAN

Soalan (i)

Isi jawapan calon tidak lengkap -

(i) Masalah-masalah yang dihadapi oleh Jumari Jipah ialah dia tidak melayan anak itu di dalam botnya di tengah laut.

dikategorikan isi tidak cukup.

Soalan (ii)

Calon tidak memahami kata tugas soalan iaitu '*Jelaskan*'. Calon hanya memberikan pernyataan jawapan tanpa huraian. Oleh itu jawapan calon termasuk dalam kategori isi tidak cukup.

(ii) Antara usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk membela nasib kanak-kanak seperti Beliah adalah dengan membina sebuah rumah perlindungan kanak-kanak, serta memberi pendidikan yang sempurna demi masa depan mereka. Selain itu, mewujudkan satu dasar perlindungan terhadap kanak-kanak yang dianiaya dan membuat undang terhadap orang yang melakukan penindasan terhadap golongan kanak-kanak.

Soalan (iii)

Calon gagal memberikan unsur komsas iaitu 'persoalan' yang terdapat dalam petikan. Bagi isi jawapan dalam keseluruhan cerpen pula calon gagal memberkan huraian bagi persoalan cerpen tersebut.

(iii) Berdasarkan petikan diatas persodokannya adalah kasih sayang seorang ayah terhadap anaknya. Selain itu terdapat persoalan lain seperti serangannya tentera jepun yang ganas dan semangat untuk hidup golongan marhaen.

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

KEKUATAN

Calon memahami kehendak soalan dan dapat menggunakan bahasa Melayu baku untuk mengungkapkan isi jawapan yang lengkap, baik dari segi jawapan yang merujuk pemahaman teks mahupun jawapan kemahiran berfikir. Makna ayat-ayat dalam bahasa Melayu klasik dapat difahami dengan baik oleh calon, seterusnya dapat mengemukakan isi yang cukup. Selain itu calon dapat menulis menggunakan ayat yang lengkap, tatabahasa dan ejaan yang betul. Isi jawapan tersusun dengan kemas.

Soalan (i)

(i) Maksud rangkaian kata kabullah tuan puteri akan kehendak raja ialah tuan puteri akan menyalisaskan hasrat raja yang ingin mengahwininya.

Soalan (ii)

(ii) Tindakan - tindakan Tun Mamat setelah mendengar kata-kata bang Raya Rani ialah beliau turun daripada puncak gunung dan berjumpa dengan Laksamana dan Sang Setia. Kemudian, Tun Mamat memberitahu segala syarat yang dikenakan oleh Puteri Gunung Ledang kepada Laksamana dan Sang Setia.

Soalan (iii)

(iii) Pada pendapat saya, Puteri Gunung Ledang memberikan syarat-syarat peminangan yang sukar untuk ditunaikan adalah untuk melihat kesungguhan dan keikhlasan Sultan bagi memiliki dirinya. Selain itu, Puteri Gunung Ledang berkemungkinan tidak mahu mengahwini Sultan Melaka kerana beliau tidak mahu Sultan Melaka meluaskan jajahan terhadap kawasannya. Lebih-lebih lagi, Puteri Gunung Ledang ingin mencabar Sultan kerana sebelum ini tiada halangan bagi Sultan untuk memiliki sesuatu.

KELEMAHAN

Calon memberikan jawapan dalam ayat yang tidak lengkap atau tergantung. Pengetahuan calon tentang prosa klasik amat lemah. Jawapan tidak tepat, kadangkala jawapan calon terpesong. Ayat tidak gramatis.

Soalan (i)

Calon gagal memahami maksud keseluruhan rangkaian kata yang diuji iaitu ' **kabullah tuan puteri akan kehendak raja itu** '

(i) Maksud rangkaian kata kabullah tuan puteri akan kehendak raja itu ialah
tuan puteri akan secara sah menjadi isteri raja seperti apa yang raja mahukan.

Soalan (ii)

Calon tidak memahami kehendak soalan.

(ii) Antara fudaken - fudeken Tun Mamat setelah
mendenger kafa - kafa Dang Raya Rani adalah terkejut
dan permintaan tersebut, berasa visan akan kehendak
tuan puteri dan memitikan titah raja patut
ditampi.

Soalan (iii)

Isi jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak mencukupi.

(iii) Pada pendapat saya, Puteri Gunung Ledang memberikan syarat-syarat pernikahan
yang sukar untuk ditunaikan kerana untuk menguji raja itu sendiri. Sekiranya raja itu
betul-betul mahukannya, sudah pasti raja akan tunaikan permintaannya. Selain itu,
Puteri Gunung Ledang memang mahukan segala syarat-syarat tersebut. dan

Soalan 2(d) – Puisi Tradisional

Pantun Lapan Kerat

KEKUATAN

Calon dapat menjawab dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata dan istilah yang tepat dan jelas. Calon dapat memahami maksud rangkai kata dan berupaya memberi maksud dengan tepat.

Soalan (i)

i Maksud pandai-pandai ialah membawa diri ialah seseorang perlu bijak menyesuaikan diri jika berada di kawasan yang asing.

Soalan (ii)

Calon berupaya memberikan isi jawapan yang cukup dengan bahasa yang gramatis.

ii Antara perkara yang wajar dilakukan di rantau orang ialah mempelajari bahasa masyarakat di tempat tersebut. Seseorang juga perlu mempelajari dan menyesuaikan diri dengan budaya dan cara hidup masyarakat setempat. Selain itu, seseorang sepatutnya bergaul etim, beramah mesra dan berkenalan dengan masyarakat ketika berada di rantau. Seseorang juga perlu rajin bekerja untuk menampung keperluan diri.

Soalan (iii)

Calon dapat memberi unsur nilai kemanusiaan dengan tepat berserta huraian.

iii Antara nilai kemanusiaan yang terdapat dalam puisi ialah adab dan sopan santun. Seseorang hendaklah menunggu semua orang ada untuk makan dan makan hendaklah dengan duduk. Nilai kemanusiaan lainnya ialah bersyukur. Kita hendaklah bersyukur atas ketentuan yang terjadi sama ada baik atau buruk.

KELEMAHAN

Calon gagal mencari isi jawapan dengan tepat. Isi tidak cukup. Bahasa tidak gramatis.

Soalan (i)

Calon mengekalkan sebahagian perkataan yang diuji, iaitu **pandai** atau **diri** atau gagal memberi maksud keseluruhan rangkaian kata.

(i) Maksud **pandai-pandai** membawa **diri** ialah kita haruslah pandai menjaga diri dan beradab apabila berada di negeri lain.

Soalan (ii)

Jawapan calon tidak mencukupi kerana mengulang isi yang sama.

(ii) Pada pandangan saya, tiga perkara yang wajar dilakukan oleh seseorang ketika berada di rantau orang ialah menjaga tingkah laku, sentiasa beramah mesra dengan orang lain dan menjaga tutur kata.

Soalan (iii)

Jawapan calon tidak tepat.

(iii) Dua nilai kemanusiaan yang terdapat dalam puisi tersebut ialah
nilai belas kasihan ^{ialtu kita} ~~kita~~ hendaklah sentiasa membantu sesiapa yang
berada dalam kesukahan. Nilai pemurah ^{ialtu kita} ~~kita~~ hendaklah berkongsi
~~dengan~~ rezeki ^{yang diperoleh} dengan orang lain.

SOALAN 3 : PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA.

KEKUATAN

Soalan 3 (a)

Calon dapat membina ayat dengan tepat, gramatis, logik dan aplikatif menggunakan perkataan yang diuji. Calon dapat memahami maksud perkataan yang diuji dengan tepat. Tiada kesalahan tatabahasa dan ejaan yang dilakukan oleh calon. Penggunaan kosa kata sesuai untuk menjelaskan maksud perkataan. Kesimpulannya perkataan yang diuji dapat digunakan dalam ayat dengan betul dan bermakna oleh calon.

a) i) Novel tersebut menceritakan suka duka kehidupan Ana sebagai anak yatim piatu.

ii) " Baik buruk lelaki itu, dia tetap abah kamu," kata Pak Long kepada Leha.

iii) Penat lelah Ali ~~mencari nafkah~~ untuk bekerja siang dan malam membuahkan hasil apabila dia ~~akhir~~ mendapat tawaran kenaikan pangkat.

iv) Nini melayari laman web ^{kesihatan} untuk mencari maklumat mengenai penyakit barah ~~patutnya~~ otak.

v) ^{Wakil rakyat di kawasan itu menggalakan} pembangunan mesra alam ~~yang merupakan~~ agar kemegahan dapat dicapai tanpa merosakkan alam sekitar.

vi) Semangat setra kaum dapat dirupuk dalam diri pelajar melalui aktiviti kokurikulum di sekolah.

KELEMAHAN

Soalan 3 (a)

Kebanyakan calon tidak dapat membina ayat '*pembangunan mesra alam*' dengan tepat. Calon melakukan kesalahan tatabahasa seperti ejaan, tanda baca dan ayat tidak jelas

v) pembangunan mesra alam

- Bangunan pencakar langit itu merupakan pembangunan mesra alam yang dijadikan tempat pelancongan

vi) Semangat Setia kawan

- matlamat utama sukan komanwel ditubuhkan untuk mewujudkan semangat setia kawan di kalangan negara anggota.

Soalan 3(b)

KEKUATAN

Calon dapat memahami konsep pola ayat bahasa Melayu dengan tepat.

(b) (i) FN + FS

(ii) FN + FK

(iii) FN + FA

(iv) FN + FN

(v) FN + FK

(vi) FN + FN

Soalan 3(b)

KELEMAHAN

Calon gagal menjawab soalan bahagian ini kerana tidak memahami konsep pola ayat bahasa Melayu. Calon tidak dapat mengklasifikasikan pola ayat kerana tidak memahami FN, FK, FA dan FS.

b) i) Frasa Nama + Frasa Nama	x
ii) Frasa Nama + Frasa Kerja	✓
iii) Frasa Nama + Frasa Sendiri nama	x
iv) Frasa Nama + Frasa Kerja	x
v) Frasa Nama + Frasa Adjektif	x
vi) Frasa Nama + Frasa Nama	✓

Soalan 3 (c) – Kesalahan Ejaan dan Imbuhan

KEKUATAN

Calon dapat mengesan dan mengenal pasti satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan yang terdapat dalam petikan soalan. calon dapat mengaplikasikan penggunaan ejaan dan imbuhan yang sesuai dan tepat dalam konteks ayat.

3c	(i)	menyintai	→	mencintai
	(ii)	perihatin	→	prihatin
	(iii)	tersiksa	→	terseksa
	(iv)	di landa	→	dilanda
	(v)	menghulur	→	menghulurkan
	(vi)	mengembleng	→	menggembelng

KELEMAHAN

Calon gagal mengenal pasti kesalahan perkataan **mengembleng** dan **terseksa**. Kelemahan mengenal pasti kesalahan ejaan **terseksa** kerana calon terpengaruh dengan sebutan harian. Manakala perkataan **mengembleng** calon menganggap perkataan tersebut sebagai kesalahan ejaan lalu membetulkannya menjadi **mengembling** sedangkan perkataan tersebut merupakan kesalahan penggunaan imbuhan 'MeN...' yang sepatutnya menggunakan imbuhan 'Meng...' menjadi **menggembelng**.

c) - Sebagai masyarakat yang mencintai keamanan dan kemakmuran, rakyat Malaysia perlu perihatin terhadap nasib rakyat negara yang dilanda bencana. Kita kasihan pada rakyat yang hidup disiksa dan diancam kebukiran. Kita perlulah menghulur bantuan kewangan dengan mengembling tenaga dalam memperjuangkan keamanan sejagat.

Soalan 3 (d) – Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tatabahasa

KEKUATAN

Calon dapat mengesan satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa bagi setiap ayat yang diuji dan membetulkan kesalahan-kesalahan tersebut dengan tepat.

3(d) Kata / Istilah

- (i) dimansuhkan - dibatalkan
- (ii) berhemah - berhemat
- (iii) menganggarkan - meramalkan

Tatabahasa

- (i) supaya - untuk
- (ii) diperoleh oleh saya - saya peroleh
- (iii) di lain-lain kawasan - di kawasan-kawasan lain.

KELEMAHAN

Calon tidak dapat mengesan kesalahan penggunaan kata atau istilah **berhemah**. Calon keliru kerana perkataan yang diuji hampir sama dengan ejaan jawapan iaitu **berhemat**. Manakala kesalahan tatabahasa pula calon tidak dapat mengesan kesalahan ayat pasif diri pertama iaitu **diperoleh oleh saya** dan hukum DM **di lain-lain kawasan**.

d) i) Hastat. Aiman untuk menyertai ekspedisi mendaki Gunung Kinabalu terpaksa ditanggguhkan kerana belum mendapat keizinan daripada kedua-dua ibu bapanya.

ii) Wang gaji yang diperolehi oleh saya, setiap bulan dibelanjakan secara berhema dan baktinya disimpan di dalam bank.

iii) Jabatan Meteorologi menganggarkan di pantai timur Semenanjung Malaysia mendung, manakala di lain-lain kawasan cuacanya cerah.

Soalan 3 (e) – Peribahasa

KEKUATAN

Calon dapat membina ayat dengan menggunakan peribahasa yang diuji. Calon memahami maksud peribahasa dan dapat menggunakannya dalam ayat.

(e) (i) Dine dijaga bagi menatang minyak yang penuh oleh kedua-dua ibu bapanya kerana dia merupakan anak tunggal mereka.

(ii) "Orang yang baik, walau ke mana pun dia pergi pasti akan diterima oleh masyarakat, seperti pepatah "benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau", "pesan Ibu kepada Kak Long.

(iii) Ramli sering mengingatkan pelerjanya bahawa keuntungan yang diperolehi oleh syarikat akan dikongsi bersama, begitu juga dengan kerugian yang dialami seperti pepatah "hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicecah".

KELEMAHAN

Calon gagal membina ayat berdasarkan peribahasa yang diuji. Calon tidak memasukkan peribahasa dalam ayat yang dibina. Calon memberi maksud peribahasa dalam ayat yang dibina.

e) i) Berhati-hati menjaga perasaannya supaya tidak tersentuh di atas perbuatan yang dilakukan. Menjaga dengan penuh perhatian. X

ii) Walaupun budi yang dilakukan amat tecil tetapi masyarakat akan hormat kepada individu yang melakukan kebaikan. X

iii) Bersatu teguh bercerai roboh merupakan peribahasa yang serupa maksudnya. Berterjasama membuat pekerjaan yang dilakukan tanpa ada seorang pun yang malas. X

SOALAN 4 : NOVEL

KEKUATAN

Soalan 4(a)

Calon dapat menjelaskan dua sebab bahagian permulaan novel menarik minat calon. Isi mencukupi iaitu pernyataan disokong dengan huraian yang lengkap, isi tersusun dan bahasa yang digunakan gramatis.

Contoh 1,

Berdasarkan novel no yang saya kaji iaitu Terminal Tiga ma karya Tikan Faridah Syed Abdullah mengutarakan bahagian permulaan novel yang menarik. Bahagian novel tersebut dapat ditunjukkan melalui teknik aspek iaitu permulaan penceritaan tentang kehidupan watak utama yang amat rumit. Hal ini dapat dibuktikan dengan latar belakang kehidupan keluarga Awanis yang mempunyai seorang adik ^{Anita} yang berwujud ^{seperti gadis} yang sangat baik Cina dan kakaknya kak Maysarah yang sentiasa murung. Dua perwatakan yang berbeza ini membuatkan pembaca ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang perwatakan Anita dan sebab kak Maysarah sentiasa murung. Selain itu, peristiwa Awanis ingin menyambung pelajarannya walhal dia sudah tamat pengajiannya di ITM Araw juga membuatkan pembaca ingin mengetahui dengan lebih lanjut sebab ~~dia~~ Awanis berbuat demikian. Hal ini dapat dibuktikan ~~apa~~ apabila Awanis memberitahu Anita akan keputusan yang diambil untuk menyambung pelajarannya walaupun baru seminggu dia menamatkan pengajiannya di Araw, Perlis.

Contoh 2,

<p>Berdasarkan novel se yang saya kaji, Di Hadapan Pulau karya A-Samad Said terdapat perkara yang menarik minat saya pada bahagian permulaan novel tersebut.</p>
<p>Antara sebab yang menarik minat saya pada bahagian permulaan novel Di Hadapan Pulau ialah permulaannya yang menimbulkan unsur suspens. Permulaan novel menceritakan hasrat Aziz ingin ke pulau di hadapan kampungnya. Hasratnya se sama ada tercapai atau tidak membuatkan saya ingin meneruskan pembacaan. Hasratnya itu pernah ingin ditunaikan oleh Tuk Marzuki tetapi ia tetap menjadi unsur se suspens yang menarik.</p>
<p>Selain itu, permulaan novel ini menceritakan se serba sedikit yang mengenai pulau di hadapan kampung Aziz. Gambaran Aziz dan penduduk kampung mengenai pulau itu menjadi misteri dan saya tertarik untuk membaca novel ini. Tanda tanya pada awal novel menarik minat saya. Kesahihan kewujudan orang Jakun ataupun pertapa di pulau tersebut masih samar dan membuatkan saya ingin meneruskan pembacaan.</p>

Contoh 3,

Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu Seteguh Karang kaya Tuan Faidah Syed Abdullah, terdapat dua sebab bahagian permulaan novel ini menarik minat saya.

Antaranya ialah permulaan ceritanya yang menggambarkan kesanggupan seorang bapa saudara menjaga anak saudaranya sekeluarga setelah kematian kedua orang tua mereka. Sebagai contoh, Pak Oni iaitu bapa saudara Awanis sanggup berulang alik dari tempat kerjanya di Lumut ke Ipoh semata-mata ingin menjaga kebajikan keluarga adiknya iaitu Awanis sekeluarga yang kehilangan kedua ibu bapanya akibat kemalangan jalan raya.

Di samping itu, permulaan cerita ini menarik minat ~~eg~~ saya apabila digambarkan seorang pelajar wanita mengambil jurusan yang mencabar yang lazimnya untuk kaum lelaki iaitu pengurusan ladang senakutu di universiti. Sebagai contoh, Awanis telah melanjutkan pelajarannya ke Institut Teknologi Mara (ITM) cawangan Arau, Perlis dalam jurusan pengurusan ladang.

Contoh 4,

Berdasarkan novel yang telah saya kaji, Bukit Kepong karya Ismail Jahari. Sebab bahagian permulaan novel ini menarik minat saya adalah bagaimana seorang anak muda yang berasal dari Kampung Keladi, Kulim Kedah merubah diri beliau. Othman merupakan pemuda kampung yang ~~tidak~~ tidak berpelajaran tinggi membantu ibu dan bapanya menoreh getah. Pada ketika itu Tanah Melayu diancam komunis. Saya tertarik dengan semangat othman yang membuat keputusan untuk menyertai pasukan polis kerana sudah bosan dengan ancaman komunis. Kesungguhan othman untuk menyertai polis walaupun mendapat tentangan dari ibunya menimbulkan minat saya untuk terus membaca novel ini. Konflik yang timbul antara othman dan ibunya membuatkan saya tertanya-tanya, adakah Othman akan berjaya. ^{Namun} ~~Setelah~~ itu, dia berjaya dan mendapat latihan di Polis Depoh, Jalan Gurney Kuala Lumpur. Di sini dia telah menjalankan latihan yang amat sukar. Namun begitu beliau tetap tabah menghabiskan latihan walaupun sebahagian rakan-rakannya telah berputus asa dan melarikan diri. Berikut ~~adalah~~ ~~merupakan~~ ~~sebab-sebab~~ ketabahan beliau ini ^{turut} ~~telah~~ menarik minat saya. Berikut merupakan sebab-sebab saya tertarik dengan permulaan novel Bukit Kepong ini.

KELEMAHAN

Soalan 4(a)

(i) Isi kurang jelas iaitu huraian jawapan calon bersifat umum. Isi jawapan berbentuk penceritaan tanpa menjelaskan sebab-sebab menarik minat secara konkrit.

<p>Saya telah mempelajari novel Bukit Kepong karya Ismail Johari. Permulaan novel ini mengisahkan keinginan Othman Yusuf untuk menjadi seorang pegawai. Terdapat beberapa sebab mengapa permulaan novel ini menarik minat saya.</p>
<p>Antara sebabnya ialah peristiwa ini menjadi titik tolak kejaya Othman sebagai seorang polis. Kehasrat Othman Yusuf inilah yang ^{sanggup mengikuti temuduga dan latihan bagi} menyebabkan Othman Othman menjadi seorang pegawai polis. Selepas tamat perkhidmatan di Paguh, Muar, Johor, Othman ditugaskan untuk bekerja di Rumah Rung Bukit Kepong yang akhirnya telah diserang oleh pengganas komunis. Akibatnya itu telah menyebabkan beliau terlibat dalam serudukan tersebut.</p>
<p>Selain itu, permulaan novel ini ^{sikap cintakan negara dan kematangan} memaparkan ke beberapa ^{oleh ibunya.} Othman. Walau pun hasratnya ditentang ^{akan} Othman tetap berpendirian teguh untuk mencapai cita-citanya cita-citanya sebagai seorang anggota polis. Beliau menyedari ^{akan} perlu ^{akan} kehadiran anggota keselamatan bagi memertahankan keselamatan tanah air. Malah, hasratnya menjadi seorang pegawai polis telah menjadikan dirinya lebih berdisiplin dan dihormati.</p>

(ii) Jawapan masih bersifat umum dan tidak memasukkan nama watak.

/

permulaannya menarik kerana ia menunjukkan seorang manusia sentiasa perlu muhasabah dirinya dengan apa yang dilakukan selama ini. Segala yang kurang itu sebenarnya berpunca dari diri kita sendiri yang tidak mahu menajukan diri. Namun sebagai manusia yang lemah, kita sentiasa memerlukan sokongan orang lain untuk menaikkan semangat kita. Apabila ada semangat, barulah kita akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai impian kita walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah. Namun segala masalah itu sebenarnya asam garam kehidupan yang perlu dilalui oleh semua orang.

- 65 -

KEKUATAN

Soalan 4 (b)

Calon dapat memberikan persamaan dan perbezaan satu latar masyarakat bagi kedua-dua buah novel dengan jelas dan lengkap. Isi mencukupi iaitu pernyataan disokong dengan huraian yang lengkap, isi tersusun dan bahasa yang digunakan gramatis.

Contoh 1,

(b) Novel yang saya telah pelajari ialah Bukit Kepong karya Ismail Johari dan Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain.

Latar masyarakat yang boleh dibandingkan dari segi persamaan dan perbezaan ialah masyarakat yang patuh dan taat kepada agama.

Dari segi persamaan, latar masyarakat ini ditunjukkan oleh Othman.

Othman menunaikan solat istikharah sebelum menghadiri temuduga untuk menjadi seorang anggota polis. Hal ini menunjukkan kepatuhannya kepada agama.

Dalam novel Konserto Terakhir pula, kepatuhan kepada agama dapat dilihat pada Hilmi yang tidak pernah meninggalkan solat lima waktu.

Dari segi perbezaan, dalam novel Bukit Kepong, Limah taifu isteri kepada Othman adalah seorang yang patuh kepada agama. Buktinya, sebelum berkahwin dengan Othman, Limah pernah mengajar orang mengaji. Namun begitu, dalam novel Konserto Terakhir, Datuk Johari dan Datin Salmah menunjukkan pelanggaran mereka kepada arahan agama. Mereka ~~setata~~ pernah minum arak dan di dalam rumah mereka juga tersedia mini bar untuk meletakkan botol arak. Perbuatan mereka ini jelas menunjukkan mereka tidak patuh kepada arahan agama.

contoh 2,

Berdasarkan novel yang saya pelajari iaitu Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah dan Terminal Tiga karya Othman Puteh, kedua-duanya mempunyai latar masyarakat yang sama iaitu masyarakat yang tab gigih.
Dalam novel Seteguh Karang, Awanis sangat gigih menjalani kehidupannya semasa di PPK Paka. Dia menghadapi banyak kesukaran sepanjang berada di sana. Sebagai contoh, Awanis diminta oleh En. Jo untuk menjatuhkan setandan kelapa pelepah kelapa sawit. Walaupun, kerja tersebut tidak patut dilakukan oleh kaum wanita tetapi dia gigih berusaha dan akhirnya berjaya menjatuhkan pelepah tersebut.
Dalam novel Terminal Tiga, walaupun mengalami banyak cabaran dan kesukaran namun Rimpa tetap gigih berusaha untuk mencapai cita-citanya. Walaupun, mengalami masalah kewangan tetapi Rimpa tetap meneruskan pengajiannya di ASK di samping berusaha untuk mendapatkan biasiswa.
Dalam novel Seteguh Karang, Fak May tidak gigih berusaha untuk meneruskan hidup setelah kematian ibu bapanya. Perwatakannya berubah menjadi seorang yang pendiam semenjak kematian ibu bapanya dan menyalahkan dirinya atas kematian mereka.
Dalam novel Terminal Tiga, Bang Maily ^{gigih} berusaha untuk mendapat biasiswa supaya Rimpa dapat melanjutkan pelajaran di ASK.

Contoh 3,

Di dalam novel dua buah novel yang dipelajari, persamaan latar masyarakatnya ialah Masyarakat Melayu yang berpegang pada agama Islam.

Di dalam novel ~~di~~ Di Hadapan Pulau, masyarakat Melayunya berpegang teguh pada agama Islam. Hal ini dapat dilihat apabila Mat Ketong dan Aziz membaca ayat Al-Quran semasa berlindung di dalam shelter.

Pertika yang sama turut terdapat di dalam novel Putera Gunung Tahan. Perempuan Tua masih kuat berpegang pada agama Islam walaupun tinggal bersama orang Satai. Hal ini dapat dilihat apabila Perempuan Tua tidak makan babi yang disediakan oleh orang Satai.

Namun begitu terdapat perbezaan dalam latar masyarakat Melayu ini. Di dalam novel Di Hadapan Pulau, ditunjukkan mengenai masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan pertampungan yang bertempayan dengan pantai. Hal ini dapat dilihat apabila Raihan dan Zubir bekerja sebagai seorang nelayan.

Manakala bagi novel Putera Gunung Tahan pula, ia digambarkan dengan masyarakat Melayu yang tinggal di bandar. Hal ini dapat dilihat apabila rumah Haji Adam telah bertukar menjadi pusat tan-menani. Selain itu, terdapat juga masyarakat Melayu yang tinggal di hutan. Pertika ini dapat dilihat melalui tempat tinggal Perempuan Tua di pertampungan orang Satai dan tempat tinggal Ratu Dengu di puncak Gunung Tahan.

KELEMAHAN

Soalan 4(b)

(i) Jawapan calon tidak menunjukkan perbandingan antara kedua-dua buah novel.

Perbezaannya ialah dalam novel Di Hadapan Pulau, masyarakat Melayu tidak mementingkan pendidikan agama dalam kalangan anak-anak manakala dalam novel Putera Gunung Tahan, masyarakat Melayu mudah terpengaruh dengan budaya barat. Dalam novel Di Hadapan Pulau, Aziz dan ~~rakan~~^{rakan-}rakannya tidak mengetahui cara untuk bersembahyang. Syed Fikri mengetahui hal ini dan mengajar mereka ~~ca-~~bersembahyang. Dalam novel Putera Gunung Tahan, masyarakat Melayu khususnya yang tinggal di bandar mudah terpengaruh dengan budaya barat. Sebagai contoh, Tengku Chah mengamalkan pergaulan bebas lalu mengandungi anak luar nikah. Rumah Haji Adam pula mengadakan pesta yang ~~men~~ bercampur lelaki dan perempuan.

ii. Calon hanya memberikan jawapan persamaan tanpa perbezaan. Hanya menjawab sebahagian daripada tugasan soalan. Isi tidak cukup.

Contoh 1,

1	Berdasarkan dua buah novel yang saya kaji iaitu Putera Gunung Tahan karya Ishak Hg. Muhammad dan Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said terdapat satu latar masyarakat yang mempunyai persamaan dan perbezaan.
	Persamaan dalam kedua-dua buah novel ialah masyarakat yang beragama. Dalam novel Di Hadapan Pulau, Syed Fikri sangat berpegang teguh kepada agama. Dia mahu menyebarkan Islam. Sama seperti perempuan perempuan tua di dalam novel Putera Gunung Tahan. Perempuan tua menyebarkan Islam kepada orang perempuan golongan Sakai. Mereka berdua sama-sama mahu mengembangkan ajaran Islam.
	Perbezaan sifat masyarakat yang beragama dalam kedua-dua novel ini pada mulanya ditunjukkan oleh orang Melayu yang membeli todi bagi menghilangkan tekanan akibat penjajahan dalam novel Di Hadapan Pulau. Aziz dan Afidah juga mengambil upah membeli todi. Sifat masyarakat yang beragama dalam novel Putera Gunung Tahan pula ditunjukkan apabila ada orang Melayu yang Islam pergi ke gereja dan Tengku Aishah mengandung luar nikah. Akibat penjajahan, masyarakat dalam novel ini yang sama dalam dua novel yang berlainan ini membenkan respons ^{respons} yang berbeza.

Contoh 2

Novel yang saya kaji ialah Perlumbaan kedua di Tingkatan 4 dan Julia di Tingkatan 5.

Latar masyarakat yang terdapat dalam novel Perlumbaan kedua ialah masyarakat yang tamak. Masyarakat di dalam novel ini ialah haiwan-haiwan liar yang tinggal di dalam hutan rimba. Sang Tedung mewakili masyarakat yang tamak. Sang Tedung tamak dirupah oleh Sang Anab untuk mengintip perbuatan Tuk Kura. Sang Tedung dikurniakan telur ayam yang dicuri oleh Sang Anab di sebuah perkampungan. Sang Tedung menjadi tamak apabila Sang Anab tidak lagi memerlukan khidmatnya. Sang Tedung mengugut untuk ~~sem~~ membunuh Sang Anab jika tidak diberi telur ayam lagi. Peristiwa ini menunjukkan sikap tamak Sang Tedung.

Latar masyarakat di dalam novel Julia juga merupakan masyarakat yang tamak. Masyarakat di dalam novel ini ialah manusia biasa. En. Baharom mewakili masyarakat yang tamak. En. Baharom sanggup menipu Julia mengenai kerugian Syarikat BAPRO transport supaya dia dapat menjual syarikat tersebut kepada orang lain. En. Baharom akan mendapat wang imbuhan jika dia berbuat demikian. Peristiwa ini menunjukkan sikap tamak En. Baharom sehingga sanggup menipu.

Kesimpulannya, walaupun latar masyarakat bagi ~~novel~~ kedua-dua novel adalah sama tetapi latar ini diwakili oleh makhluk yang berbeza iaitu haiwan dan manusia.

- (ii) Huraian jawapan calon umum iaitu jawapan yang diberikan tidak mengaitkan dengan watak dan peristiwa dalam novel.

Bagi Berdasarkan novel yang telah saya kaji Bukit Kepong karya Ismail Johari dan konserto Terakhir karya Abdullah Hussein. Persamaan bagi latar masyarakat dalam kedua-dua buah novel ini adalah masyarakat yang berbilang kaum. Masyarakat di Malay Tanah Melayu dan Malaysia terdiri daripada masyarakat yang pelbagai kaum dan agama. Masyarakat ini terdiri daripada ^{dan kaum} ~~Malay, Cina dan India~~ melayu dan cina. Perbezaan bagi latar masyarakat pula, Berdasarkan ~~butir~~ novel Bukit Kepong, masyarakat mereka amat mementingkan agama dan semangat kejiranan. Masyarakat mereka hidup pada zaman perperangan. Mereka hidup di kampung dan melakukan aktiviti pertanian. Mereka hidup cara tradisional. Manakala bagi novel Konserto Terakhir pula, masyarakat dalam novel ini hidup cara barat dan tidak mementingkan agama. Mereka hidup cara moden. Mereka tidak mengikut adat dan hidup mewah. Berikut merupakan ~~perbeza~~ persamaan dan perbezaan bagi kedua-dua buah novel yang telah saya kaji.

SARANAN KEPADA CALON

1. Banyakkan latihan
2. Menguasai teknik menjawab soalan
3. Peka dengan isu-isu semasa
4. Menggunakan perkataan dan ayat sendiri semasa menjawab soalan kefahaman
5. Jumlah markah pada setiap soalan perlu dijadikan panduan sebelum memberi jawapan
6. Memahami dengan jelas setiap arahan soalan
7. Menguasai perbendaharaan kata dan tatabahasa
8. Memahami konsep tersirat dalam semua soalan
9. Menguasai sistem ejaan dengan baik
10. Sentiasa merujuk Kamus dan Tatabahasa Dewan
11. Semua Teks Kompenan Sastera mesti dibaca sepenuhnya
12. Banyakkan membaca untuk menambahkan Kemahiran Berfikir
13. Sentiasa merujuk kamus peribahasa agar dapat menguasai sepenuhnya peribahasa yang diuji
14. Perlu membaca banyak bahan daripada akhbar, majalah serta rencana

SARANAN KEPADA GURU

1. Gunakan bahan pelajaran yang boleh menjana minda pelajaran terutamanya penggunaan akhbar, majalah , bulletin dan sebagainya.
2. Sentiasa mengemaskini pengetahuan dan kemahiran sendiri
3. Menguasai format dan peraturan permarkahan terkini.Sila aplikasikan
4. Banyakkan latihan untuk memberi bimbingan lanjut berdasarkan Kemahiran Berfikir
5. Sentiasa merujuk tatabahasa Dewan
6. Sentiasa menggunakan kamus dalam pengajaran
7. Perlu dimasukkan kaitan sastera yang meliputi kefahaman mengenai nilai, konflik, watak, perwatakan, persoalan dan sebagainya
8. Soalan –soalan yang berbentuk kemahiran berfikir perlu diperbanyakkan supaya pelajar dapat memberikan pendapat yang bernas
9. Kepelbagaian kaedah dan teknik pengajaran
10. Membentuk soalan peperiksaan dalaman yang lebih banyak kepada Kemahiran Berfikir
11. Sentiasa mengikuti perkembangan bahasa terkini
12. Sentiasa mengikuti perkembangan bahasa terkini
13. Sentiasa mengikuti isu-isu semasa untuk merangsang percambahan fikiran dan idea
14. Menguasai sepenuhnya semua aspek dalam komponen sastera
15. Menggunakan peralatan Teknologi Maklumat dalam pengajaran
16. Memanfaatkan Laporan Prestasi Calon daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia setiap tahun. Buku Kupasan Mutu Jawapan Calon terbitan LPM mesti dihayati oleh semua guru Bahasa Melayu